



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	18/6/2021	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM/ PERHILITAN			

Hutan terpisah 'susahkan' kehidupan haiwan

PETALING JAYA: Saiz hutan yang tinggal 18 juta hektar atau kira-kira 55 peratus daripada litupan tanah di negara ini menimbulkan kekusaran akan terus menjejaskan habitat hidupan liar.

Perkara itu terbukti ekoran kerap kali binatang liar seperti harimau kumbang, gajah dan tapir ditemui mati atau berkehiran di kampung-kampung.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Pemuliharaan Habitat Harimau Tabung Alam Malaysia (WWF-Malaysia), Christopher Wong berkata, jumlah hutan yang tinggal kini kurang mencukupi untuk hidupan liar terutama yang bersaiz besar seperti harimau dan gajah untuk merayau, mencari makanan dan juga mengawan.

Menurut beliau, saiz hutan yang tinggal memang agak besar tetapi masalahnya apabila yang tinggal tersebut semakin terpisah antara satu sama lain.

"Pembangunan yang banyak memisahkan hutan-hutan ialah seperti untuk pembinaan jalan, lebuh raya, pambalakan, ladang komersial dan penempatan.

"Kawasan hutan terpisah dan semakin mengecil tidak dapat

menampung atau menyusahkan populasi hidupan liar dari segi bilangan dan juga kesihatan genetik," kata beliau semalam.

Christopher berkata, kawasan hutan seperti Taman Negara dan Banjaran Titiwangsa harus dipelihara agar tidak mengecil selain usaha menghubungkan semula hutan-hutan yang terpisah dengan kawasan hutan yang bersaiz besar.

Menurut beliau, masalah pengecilan dan pemisahan hutan turut membawa konflik haiwan dan manusia kerana ruang habitat binatang yang berkurangan itu menyebabkan hidupan itu berlegar-legar di penempatan manusia.

"Maka, Pelan Induk Central Forest Spine memberi kerangka bagaimana kawasan hutan yang terpisah atau hampir terpisah boleh disambung semula.

"Sebagai contoh kita boleh melihat bagaimana kompleks hutan Taman Negara yang meliputi Pahang, Terengganu dan Kelantan dipisahkan Banjaran Titiwangsa oleh lebuh raya Gua Musang-Kuala Lipis," katanya.

Bagaimanapun, katanya, terdapat usaha menyambung



WWF-Malaysia berharap kerajaan melakukan sesuatu untuk menyambung semula landskap hutan-hutan yang terpisah akibat pembangunan bagi pelbagai tujuan termasuk pembinaan lebuh raya. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

semula kedua-dua landskap berkenaan melalui pembinaan jambatan dan penanaman semula pokok hutan di rangkaian Sungai Yu di Lipis.

Menurut Christopher, kebanyakkan spesies haiwan liar juga terjejas disebabkan sering diburu untuk tujuan perubatan atau makanan eksotik.

"Antara spesies mengalami ancaman kepupusan ialah seperti harimau, seladang dan tenggiling. Malangnya badak sumbu telah pupus," katanya.

Justeru, kata beliau, selain isu kedudukan hutan yang terpisah antara satu sama lain, pihak berkuasa juga perlu agresif menangani pemburuan haram

yang turut menjadi faktor besar kepada kepupusan haiwan pelbagai spesies terutama mamalia besar.

"Daripada data Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Malaysia kini ada kurang 200 ekor harimau. Jumlah itu sangat kecil," kata beliau.